



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 53  
No. 5

**28hb Februari 2009**

*TAMBAHAN No. 25*  
*PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 90.**

AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998

PERINTAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (SES) (PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [*Akta 582*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Pindaan) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2009.

**Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2001 [*P.U. (A) 115/2001*] dipinda dalam perenggan 3 dengan menggantikan perkataan “empat ringgit” dengan perkataan “dua ringgit”.

Dibuat 23 Februari 2009  
[KPPK 19(05)68/2; PN(PU<sup>2</sup>)606/V]

DATUK PETER CHIN FAH KUI  
*Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi*

MALAYSIAN PALM OIL BOARD ACT 1998

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (CESS) (AMENDMENT) ORDER 2009

IN exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [*Act 582*], the Minister, after consultation with the Minister of Finance, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Palm Oil Board (Cess) (Amendment) Order 2009**.

(2) This Order comes into operation on 1 March 2009.

**Amendment of paragraph 3**

2. The Malaysian Palm Oil Board (Cess) Order 2001 [*P.U. (A) 115/2001*] is amended in paragraph 3 by substituting for the words “four ringgit” the words “two ringgit”.

Made 23 February 2009  
[KPPK 19(05)68/2; PN(PU<sup>2</sup>)606/V]

DATUK PETER CHIN FAH KUI  
*Minister of Plantation Industries and Commodities*

**P.U. (A) 91.**

AKTA PERIKANAN 1985

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KAWALAN KUALITI IKAN BAGI EKSPORT  
KE KESATUAN EROPAH) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(*ah*) Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini hendaklah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan bagi Eksport ke Kesatuan Eropah) 2009**.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, “kehendak Kesatuan Eropah” ertinya apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah yang berhubungan dengan kawalan kualiti ikan.

(2) Sebutan mengenai “sistem kultur” dalam Peraturan-Peraturan ini termasuk suatu akuakultur yang dikendalikan di dalam vesel penangkapan ikan.

#### **Pematuhan kehendak Kesatuan Eropah**

3. Mana-mana pemunya mana-mana sistem kultur dan mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan mana-mana sistem kultur, yang darinya ikan dibekalkan bagi eksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi keluaran ikan bagi eksport ke Kesatuan Eropah, hendaklah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

#### **Permohonan untuk sijil kualiti ikan**

4. Mana-mana pemunya mana-mana sistem kultur yang darinya ikan dibekalkan bagi eksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi keluaran ikan bagi eksport ke Kesatuan Eropah hendaklah memohon sijil kualiti ikan daripada Ketua Pengarah secara bertulis.

#### **Pengeluaran sijil kualiti ikan**

5. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan suatu permohonan untuk suatu sijil kualiti ikan di bawah peraturan 4 dan setelah berpuas hati bahawa pemunya sistem kultur itu telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah, mengeluarkan sijil kualiti ikan.

(2) Sijil kualiti ikan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini adalah sah bagi tempoh satu tahun daripada tarikh sijil itu dikeluarkan.

#### **Pembatalan sijil kualiti ikan**

6. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil kualiti ikan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 jika pemunya sistem kultur yang berkenaan dengannya sijil kualiti ikan itu dikeluarkan melanggar mana-mana kehendak Kesatuan Eropah.

#### **Usaha wajar**

7. Mana-mana pemunya mana-mana sistem kultur dan mana-mana orang yang terlibat dalam pengendalian apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan mana-mana sistem kultur yang darinya ikan dibekalkan bagi eksport ke Kesatuan Eropah atau yang darinya ikan dibekalkan bagi keluaran ikan bagi eksport ke Kesatuan Eropah hendaklah menjalankan usaha yang sewajarnya bagi memastikan kehendak Kesatuan Eropah dipatuhi pada setiap masa.

#### **Kuasa pegawai perikanan**

8. Pegawai perikanan Bahagian Biosekuriti Perikanan di Jabatan Perikanan Malaysia dan Unit Biosekuriti Perikanan di Pejabat Perikanan Negeri hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan kawalan kualiti sebagaimana yang ditetapkan dalam kehendak Kesatuan Eropah ke atas ikan dan keluaran ikan yang hendak dieskport ke Kesatuan Eropah, mengikut Akta.

**Pengeksport hendaklah mendapatkan bekalan ikan dari pemunya sistem kultur yang mempunyai sijil kualiti ikan**

9. Mana-mana pengeksport ikan atau keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah mendapatkan bekalan ikan dari, atau mendapatkan bekalan keluaran ikan dari ikan yang dibekalkan oleh, pemunya sistem kultur, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berkenaan dengannya sijil kualiti ikan telah dikeluarkan di bawah peraturan 5 dan masih sah.

Dibuat 26 Februari 2009  
[Prk. ML-11/01/02-5; PN(PU<sup>2</sup>)160/IX]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

**FISHERIES ACT 1985****FISHERIES (QUALITY CONTROL OF FISH FOR EXPORT TO THE  
EUROPEAN UNION) REGULATIONS 2009**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 61(*ah*) of the Fisheries Act 1985 [*Act 317*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Fisheries (Quality Control of Fish for Export to the European Union) Regulations 2009**.

**Interpretation**

2. (1) In these Regulations, "European Union requirements" means any requirement imposed by the European Union relating to fish quality control.

(2) The reference to a "culture system" in these Regulations includes an aquaculture operated on a fishing vessel.

**Compliance with European Union requirements**

3. Any owner of any culture system and any person engaged in the operation of any activity relating to any culture system, from where fish is supplied for export to the European Union or from where fish is supplied for fish product for export to the European Union, shall comply with the European Union requirements.

**Application for fish quality certificate**

4. Any owner of any culture system from where fish is supplied for export to the European Union or from where fish is supplied for fish product for export to the European Union shall apply for a fish quality certificate in writing to the Director General.

**Issuance of fish quality certificate**

5. (1) The Director General may, after considering an application for a fish quality certificate under regulation 4 and upon being satisfied that the owner of such culture system has complied with the European Union requirements, issue a fish quality certificate.

(2) The fish quality certificate issued under this regulation shall be valid for a period of one year from the date of its issuance.

**Revocation of fish quality certificate**

6. The Director General may at any time revoke the fish quality certificate issued under regulation 5 if the owner of the culture system in respect of which the fish quality certificate is issued breaches any of the European Union requirements.

**Due diligence**

7. Any owner and any person engaged in the operation of any activity relating to any culture system from where fish is supplied for export to the European Union or from where fish is supplied for fish product for export to the European Union shall exercise due diligence to ensure that the European Union requirements are complied with at all times.

**Power of fisheries officer**

8. A fisheries officer of the Fisheries Biosecurity Division at the Department of Fisheries Malaysia and Fisheries Biosecurity Unit of the State Fisheries Department shall have the power to perform quality control as prescribed in the European Union requirements on fish and fish product to be exported to the European Union, in accordance with the Act.

**Exporter to obtain supply of fish from owner of culture system with a fish quality certificate**

9. Any exporter of fish or fish product to the European Union shall obtain his or its supply of fish from, or his or its supply of fish product from fish supplied by, the owner of a culture system, as the case may be, in respect of which a fish quality certificate has been issued under regulation 5 and is still valid.

Made 26 February 2009  
[Prk. ML-11/01/02-5; PN(PU<sup>2</sup>)160/IX]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Minister of Agriculture and Agro-based Industry*

## P.U. (A) 92.

## AKTA MAKANAN 1983

## PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN BAGI EKSPORT IKAN DAN KELUARAN IKAN KE KESATUAN EROPAH) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Eksport Ikan dan Keluaran Ikan ke Kesatuan Eropah) 2009**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“ikan” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

“kehendak Kesatuan Eropah” ertinya apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah yang berhubungan dengan pengeluaran sijil kesihatan berkenaan dengan ikan dan keluaran ikan;

“keluaran ikan” termasuklah semua bentuk, bahagian dan hasil ikan yang boleh dimakan;

“pihak berkuasa kompeten” ertinya mana-mana pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri, yang ditetapkan oleh Menteri bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

**Pematuhan kehendak Kesatuan Eropah**

3. Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah.

**Permohonan untuk sijil kesihatan**

4. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengeksport apa-apa ikan dan keluaran ikan ke Kesatuan Eropah hendaklah memohon sijil kesihatan daripada pihak berkuasa kompeten bagi setiap konsainan ikan dan keluaran ikan itu secara bertulis.

(2) Pemohon di bawah subperenggan (1) hendaklah membuat perakuan bahawa dia telah mendapatkan bekalan ikan dari, atau bekalan keluaran ikan dari ikan yang dibekalkan oleh pemunya sistem kultur yang berkenaan dengannya suatu sijil kualiti ikan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan bagi Eksport ke Kesatuan Eropah) 2009 [*P.U. (A) 91/2009*] telah dikeluarkan dan masih sah.

**Pengeluaran sijil kesihatan**

5. (1) Pihak berkuasa kompeten boleh, selepas menimbangkan suatu permohonan untuk suatu sijil kesihatan di bawah subperaturan 4(1) dan setelah berpuas hati dengan perakuan yang dibuat di bawah subperaturan 4(2) dan bahawa pemohon itu telah mematuhi kehendak Kesatuan Eropah, mengeluarkan sijil kesihatan.

(2) Sijil kesihatan di bawah peraturan ini hendaklah dikeluarkan hanya bagi konsainan ikan dan keluaran ikan yang berkaitan dengannya.

**Pembatalan sijil kesihatan**

6. Pihak berkuasa kompeten boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil kesihatan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 jika orang yang kepadanya sijil kesihatan itu dikeluarkan melanggar mana-mana kehendak Kesatuan Eropah.

**Kuasa pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri**

7. (1) Pegawai-pegawai Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan mana-mana pegawai Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk menjalankan kawalan rasmi sebagaimana yang ditetapkan dalam kehendak Kesatuan Eropah;
- (b) untuk memeriksa premis eksport;
- (c) untuk memeriksa kenderaan yang digunakan untuk mengangkut ikan dan keluaran ikan ke premis eksport;
- (d) untuk memeriksa pengeluar ais yang membekalkan ais bagi maksud konsainan ikan dan keluaran ikan untuk eksport;
- (e) untuk memeriksa stor sejuk yang digunakan untuk menyimpan apa-apa konsainan ikan dan keluaran ikan untuk eksport;
- (f) untuk memeriksa premis yang di dalamnya terdapat bahan mentah separa proses ikan dan keluaran ikan untuk eksport; dan
- (g) untuk memeriksa sumber yang darinya bahan mentah ikan dan keluaran ikan diimport untuk dieksport.

(2) Dalam peraturan ini, “premis eksport” ertinya mana-mana premis atau kemudahan yang di dalamnya ikan dan keluaran ikan disediakan untuk dieksport ke Kesatuan Eropah.

Dibuat 26 Februari 2009  
[KKM.PUU. (U2)/FA/2; PN(PU<sup>2</sup>)418/XII]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
*Menteri Kesihatan*

## FOOD ACT 1983

FOOD (ISSUANCE OF HEALTH CERTIFICATE FOR EXPORT OF FISH AND FISH  
PRODUCT TO THE EUROPEAN UNION) REGULATIONS 2009

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Food Export (Issuance of Health Certificate for Export of Fish and Fish Product to the European Union) Regulations 2009**.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“fish” has the same meaning as that assigned to it in the Fisheries Act 1985 [Act 317];

“European Union requirements” means any requirement imposed by the European Union relating to issuance of health certificate in respect of fish and fish product;

“fish product” includes all edible forms, parts and products of fish;

“competent authority” means any officer of the Food Safety and Quality Division of the Ministry of Health, Malaysia or any officer of the Food Safety and Quality Unit of the State Health Department, designated by the Minister for the purposes of these Regulations.

**Compliance with European Union requirements**

3. Any person who intends to export any fish and fish product to the European Union shall comply with the European Union requirements.

**Application for health certificate**

4. (1) Any person who intends to export any fish and fish product to the European Union shall apply for a health certificate in writing to the competent authority for each consignment of the fish and fish product.

(2) The applicant under subregulation (1) shall make a declaration that he obtained his supply of fish from, or his supply of fish product from fish supplied by an owner of a culture system in respect of which a fish quality certificate under the Fisheries (Quality Control of Fish for Export to the European Union) Regulations 2009 [P.U. (A) 91/2009] has been issued and is still valid.